

Pas tidak boleh

UM 22 DEC 1999

Oleh OTHMAN MOHAMAD

PERSIDANGAN pertama Parlimen ke-10 semalam memberi gambaran pertama bahawa corak pembangkang di Dewan Rakyat akan meneruskan tradisi DAP, sekalipun barisan pembangkang kini didominasi dan diterajui oleh Pas.

Gelagat 'berjalan keluar' Dewan apabila pembangkang tidak bersetuju dengan sesuatu isu yang diperdebatkan atau diputuskan oleh Speaker, perkara lumrah.

Itulah gaya tradisi Pengerusi DAP, Lim Kit Siang (sebelum ini Setiausaha Agung DAP) semasa beliau menjadi Ketua Pembangkang sebelum diambil alih oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor mulai Parlimen ke-10 ini.

Apabila Kit Siang bertindak demikian, ia pasti dituruti oleh wakil-wakil rakyat DAP lain semasanya, termasuklah Karpal Singh (semasa itu wakil Jelutong) dan Dr. Tan Seng Giaw yang masih mewakili kawasan Parlimen Kepong. Itulah lumrah yang dilakukan oleh Kit Siang untuk sekian lama beliau menjadi ketua pembangkang di Parlimen.

Jadi, sebenarnya apa yang dilakukan oleh Fadzil, 63, selaku Ketua Pembangkang yang bertindak serupa dengan Kit Siang apabila tidak bersetuju dengan kesahihan notis memanggil mesyuarat Parlimen, mencerminkan beliau dan DAP meneruskan 100 peratus gaya DAP. Apa yang pasti, Fadzil tidak terdesak untuk berbuat demikian.

Adalah lebih memalukan apabila gelagat Fadzil keluar Dewan kelmarin dilihat bukannya dimulakannya sendiri olehnya.

Sebaliknya, Dr. Tan yang kelihatan mula meninggalkan tempat duduknya lalu menghampiri Fadzil dan kelihatan menyatakan sesuatu, sebelum Fadzil dan wakil-wakil rakyat pembangkang lain mengikuti jejak Dr. Tan meninggalkan dewan.

Hakikat itu menyerlahkan lagi bahawa Fadzil khususnya, mudah terikut-ikut dengan gaya para pemimpin DAP

sekurang-kurangnya, kalaupun tidak dipengaruhi oleh sekutunya itu.

Apatah lagi, Kit Siang sebelum ini telah turut mengeluarkan kenyataan mempersoalkan perkara yang sama dengan mempersoalkan bagaimana pihak kerajaan boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong memanggil sidang Parlimen, sedangkan kabinet ketika itu belum lagi dibentuk.

DAP khususnya Dr. Tan yang cukup berpengalaman di Parlimen, mungkin menyedari hakikat bahawa Fadzil walaupun berpengalaman di Dewan Undangan Negeri Kedah tetapi sebenarnya adalah baru di Parlimen dan dengan itu beliau mudah diajak 'menari lenggok DAP'.

Ketika soal pelantikan Fadzil sebagai Ketua Pembangkang diperkatakan baru-baru ini, beliau sendiri membuat pengakuan kepada media massa bahawa beliau tidak mempunyai pengalaman mengenai corak 'kehidupan' Dewan Rakyat.

Namun itu bukanlah alasan yang baik bagi Fadzil untuk tidak menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat khususnya para pengundinya di kawasan Parlimen Pendang dengan sebaik mungkin.

Bersedia

Apabila beliau memutuskan untuk bertanding di kerusi Parlimen, beliau sepatutnya cukup bersedia seperti para pengundi bersedia untuk memilihnya.

Fadzil sewajarnya meletakkan satu identiti baru kepada barisan pembangkang di Parlimen, selaras dengan 'rombakan nyata' komposisi mereka sekarang.

Pas kini mempunyai 27 anggota termasuk Fadzil di Dewan Rakyat berbanding tujuh anggota sahaja pada Parlimen lepas manakala DAP (10), Parti Keadilan Nasional (Keadilan) (lima) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) (tiga).

Dalam keadaan Pas mempunyai 'suara' jauh lebih banyak daripada tiga lagi parti pembangkang di Dewan

khianati pengundi

FOKUS

Rakyat, Fadzil sepatutnya lebih berkemampuan memberi identiti dan imej baru kepada pembangkang.

Kalau sebelum ini dan kini pembangkang sering kali dikaitkan kehadiran mereka 'sekadar untuk membangkang' apa sahaja yang dilakukan oleh pihak kerajaan, inilah masanya bagi Fadzil menukar pandangan sedemikian.

Beliau sepatutnya memberi gambaran jelas kepada rakyat bahawa pembangkang mula berubah ke arah menjadikan mereka sebagai pengkritik yang membina, yang benar-benar boleh memberi perimbangan atau check and balance dalam sebarang dasar atau sesuatu perkara yang diputuskan oleh Parlimen.

Mereka sepatutnya berani menjadi watch-dog tanpa sikap membuta tuli sama ada di Parlimen ataupun di luar Parlimen.

Harapan besar untuk melihat perubahan kepada kehadiran pembangkang di Parlimen, seharusnya diterjemahkan sendiri oleh pucuk pimpinan Pas berdasarkan bilangan wakil rakyat Pas di Parlimen sekarang, yang sebenarnya satu rekod Pas!

Tanggungjawab Fadzil memberi imej baru kepada barisan pembangkang itu menjadi lebih besar apabila parti yang diwakili sering kali cuba dikaitkan sebagai parti Islam, sekalipun hakikatnya tidak begitu.

Apabila para pemimpin Pas mengaitkan diri mereka serta parti mereka dengan Islam, maka mereka sewajarnya menterjemahkan perjuangan mereka agar sehaluan dengan Islam.

Secara mudah, tindakan tidak mengutamakan musyawarah di Dewan Rakyat dengan meninggalkan 'Dewan perbahasan dan perundangan' bukanlah asas-asas yang dianjurkan Islam.

Jadi jika benda-benda asas itu tidak boleh dikaitkan dengan kehendak Islam, bermaknalah Fadzil berdepan dengan banyak perkara yang perlu diperjuangkannya.

Apatah lagi apabila Fadzil sendiri sebelum ini berjanji bahawa beliau selaku Ketua Pembangkang tidak akan berketrampil secara agresif seperti Kit Siang.

Namun hari pertama Fadzil 'mengepalai' barisan pembangkang tidak memberi gambaran seperti itu sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kecewa dengan gelagat mereka, menyatakan pembangkang cuba membawa 'budaya samseng' ke dalam Parlimen.

Bagi melihat komen yang lebih adil kepada pembangkang, Speaker Dewan, Tun Mohamed Zahir Ismail sendiri tidak menyangka sidang kelmarin dicemari dengan tingkah laku pembangkang yang tidak menghormati aturan mesyuarat.

Malahan, katanya, sepanjang 17 tahun beliau menjawab jawatan itu, inilah kali pertama beliau berhadapan dengan situasi yang amat tegang gara-gara sikap pembangkang.

Parlimen ke-10 ini baru bermula dan pada segi perundangan, wakil-wakil rakyat sekarang sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang membawa mandat rakyat untuk tempoh lima tahun lagi.

Justeru, mereka perlu menampilkan diri termasuk di Dewan Rakyat dengan penuh bersedia sebagai wakil rakyat yang penuh dengan mandat rakyat.

Pada pembangkang, mahu tidak mahu mereka perlu memberi imej baru sebagai barisan pembangkang yang membina, bersama-sama wakil rakyat kerajaan membina kesejahteraan negara dan rakyat.

Pada bahu Fadzil, rakyat mahu melihat perubahan besar itu.